

# 'Kempen sudah selesai kembali bersilaturahmi'

PM tegaskan keputusan di enam negeri tidak jejakan kerajaan Pusat

**Permatang Pauh:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengajak semua pihak kembali bersilaturahmi selepas musim kempen Pilihan Raya Negeri (PRN) yang berlangsung dua minggu sejak 29 Julai lalu, berakhir tengah malam kelmarin.

"Musim kempen sudah selesai, jadi kembali bersilaturahmi," kata Perdana Menteri yang menunaikan tanggungjawabnya sebagai pengundi bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Permatang Pasir dipusat pengundian Sekolah Kebangsaan Seri Penanti, semalam.

Beliau yang berkemeja biru dan turut diiringi isteri, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail, tiba di pusat pengundian jam 9.33 pagi dan dilihat selesai mengundi jam 9.40 pagi.

Pengundi yang hadir ke pusat pengundian teruja dengan kehadiran Anwar dan Dr Wan Azizah.

Rata-rata mereka tidak melepaskan peluang untuk bergambar dengan Perdana Menteri yang turut meluangkan masa menyantuni orang ramai, malah turut terserempak beberapa kenalan lama yang melaksanakan tanggungjawab mereka di situ.

## Teruskan tugas

Sementara itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengulangi penegasannya berhubung keputusan pada PRN kali ini tidak akan membawa sebarang perubahan kepada Kerajaan Persekutuan, sebaliknya akan menentukan kepemimpinan kerajaan negeri yang baharu.

"Ini PRN, tugas Kerajaan Persekutuan akan berjalan seperti biasa, kita akan meneruskan kerja mulai esok (hari ini)," katanya.

DUN Penanti menyaksikan persaingan dua penjuror di antara penyandanginya, Muhammad Faiz Fadzil daripada Parti Amanah Negara (AMANAH) menentang Amir Hamzah Abdul Hashim yang mewakili Perikatan Nasional (PN).



Anwar dan isteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail mengundi di Sekolah Kebangsaan Seri Penanti, semalam.

(Foto BERNAMA)